

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[HULU RAJANG]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2021**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang perancangan kerjasama bagi membangunkan industri skim padi di Nanga Merit dan di Sungai Tunoh, Baleh Kapit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pengairan Nanga Merit terletak di daerah Kapit berkeluasan 159 hektar melibatkan sebanyak lima belas (15) buah rumah panjang yang berada di sekitar skim berkenaan. Skim ini telah dibangunkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak (DID) dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur pengairan primer dan sekunder. Sehingga kini, penanaman padi di Skim Pengairan Nanga Merit masih dilaksanakan sekali setahun oleh 82 orang pesawah. Antara varieti tradisional yang ditanam bagi kegunaan sara diri sahaja ialah Gemala, Wangi, Bario, Pulut, Saga dan Lemak.

Produktiviti pengeluaran padi di kawasan Skim Padi Nanga Merit adalah rendah berikutan faktor usia dan kesihatan pesawah serta

## SOALAN NO : 17

penghijrahan golongan muda keluar dari rumah panjang. Jabatan Pertanian Sarawak ketika ini sedang dalam usaha untuk mengenalpasti pihak swasta/agensi yang berminat untuk melaksanakan projek usahasama bagi mengusahakan kawasan tersebut.

Bagi kawasan Sungai Tunoh pula, kawasan seluas 178 hektar telah dikenalpasti sesuai bagi penanaman padi. Kawasan ini telah dirancang untuk dibangunkan dengan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran bagi tujuan penanaman padi dua (2) kali setahun. Setelah siap kelak, projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada enam (6) buah rumah panjang di sekitar kawasan berkenaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), kedua-dua skim ini telah dirancang untuk dibangunkan bagi tujuan penanaman padi sebanyak dua (2) kali setahun. Anggaran kos keseluruhan bagi pembangunan infrastruktur tersier di Skim Pengairan Nanga Merit adalah sebanyak RM9.38 juta. Bagi kawasan Sungei Tunoh, anggaran kos pembangunan bagi kawasan tersebut adalah RM38 juta yang merangkumi pembinaan infrastruktur primer, sekunder dan tersier.

Sekian, terima kasih.